

20/02/2003

Malaysia ada hero ajar koboi beradab

Mohd Azlan Jaafar

SATU aksi yang menjadi `trademark' filem koboi - penjahat datang ke pekan kecil, memasuki bar, minum, mengacukan pistol dan mencetuskan ketegangan.

Hero yang duduk di hujung bar bangun dan berlaku tembak menembak.

Penjahat

mati. Tidak lama kemudian, pembuat keranda berlari mengambil ukuran mayat

penjahat.

Aksi seperti ini mungkin santapan hiburan Barat tetapi sejak dulu, ada beberapa `koboi' yang ke sini dan menimbulkan ketegangan.

Yang paling akan diingat adalah pada 1998 apabila bekas Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, mengkritik Malaysia ketika berucap pada majlis makan malam sempena Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di sini. Keceluparan dan kebiadapan Gore tidak dapat dilupakan rakyat negara ini.

Pada majlis itu, Gore menyatakan sokongan terhadap gerakan reformasi dan menyokong demonstrasi jalanan bagi mengguling kerajaan. Gore menganggap penunjuk perasaan yang terbabit dalam gerakan reformasi sebagai `rakyat Malaysia yang berani'.

Tindakan Gore meninggalkan majlis itu sebaik membuat kenyataan turut dicemuh sebagai tidak menghormati tuan rumah.

Kritikan paling nyata, pedas dan bermakna dibuat menerusi kenyataan peribadi Pengerusi Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

Beliau mengambil iklan satu muka surat dalam akhbar bertajuk A Very Personal Statement (Satu Kenyataan Sangat Peribadi), yang memaparkan: "Sebagai seorang rakyat Malaysia, saya mual dengan tolol-tolol yang bodoh, jahil dan kurang ajar yang menghina negara saya. Gore bukan saja sepatutnya meninggalkan majlis itu segera selepas menghina kita tetapi juga sepatutnya menaiki pesawat dan meninggalkan negara ini dan dia jangan kembali sehingga dia belajar beradab sedikit.

"Saya bukan ahli politik. Saya tidak mahu main politik. Saya bukan anti-Amerika. Dengan kata-kata yang tajam ini, saya meminta maaf kepada ramai rakan-rakan rakyat Amerika yang juga berasa malu. Saya tidak tahu sama ada rakyat Malaysia yang lain berpendapat seperti saya. Tetapi cukuplah."

Noordin menandatangani kenyataannya itu sebagai A citizen of Malaysia (seorang warganegara Malaysia). Ketika itu, beliau adalah `hero' yang mempertahankan maruah negara.

Kira-kira dua minggu lalu, di Wisma Putra, Putrajaya ketika majlis menandatangani perjanjian khas bagi merujuk Pulau Batu Putih ke Mahkamah

Dunia, aksi filem koboi tercetus tetapi tidak sekeruh yang dicetuskan Gore.

Majlis menandatangani perjanjian yang sepatutnya diadakan dalam semangat kejiranan menjadi medan `tinju' apabila Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan rakan sejawatannya, Prof S Jayakumar, berbalas hujah mengenai hak terhadap pulau itu.

Ia bermula selepas Jayakumar memberi analogi pulau itu sebagai rumah yang diduduki bergenerasi lamanya (lebih 150 tahun). Justeru, Singapura bertegas pulau itu hak sah mereka.

Soalannya, ketika lebih 150 tahun dulu, Singapura terletak dalam wilayah, negara dan kedaulatan mana? Adakah ini bermakna 150 tahun dulu, Singapura sudah meronda perairan dan mengawal ruang udara kawasan itu dan menghalau nelayan?

Adakah jika Jayakumar meminta pemandunya menunggu tiga minit sementara beliau ke pusat beli-belah di Orchard Road tetapi terlewat 300 minit kerana berjumpa kawan untuk bertukar-tukar surat, menjadikan kereta itu milik pemandunya?

Syed Hamid yang tidak mahu dilihat terlalu agresif kemudian menjawab: "Jika saya tidak melihat rumah saya, ia tidak memberikan hak kepada orang yang tinggal di situ hak keseluruhan terhadap rumah itu.

"Fakta bahawa saya tidak melawat rumah saya tidak memberikan mereka yang tinggal di situ, yang disuruh menjaga satu harta tanah, hak untuk mendakwa bahawa sejak ditinggalkan sekian lama... jadi ia milik saya."

Sesetengah pihak berpendapat Syed Hamid terjatuh dalam perangkap apabila menjawab dakwaan Jayakumar itu. Ini kerana jika Menteri Luar Malaysia tidak membalas kenyataan itu, keadaan mungkin berbeza.

Mereka yang tidak berada di dewan itu mungkin tidak dapat merasakan `kehangatan' ketika itu. Malah, wartawan yang mula memenuhi dewan sejak jam 10.30 pagi tidak menjangka Jayakumar akan membuat kenyataan seperti itu. Sebaik kenyataan itu, wartawan Malaysia berbaris di mikrofon.

Bagaimanapun, wartawan yang berada di situ berpendapat Syed Hamid melakukan apa yang patut dilakukan sebagai warganegara yang patriotik. Mereka yang di luar tidak wajar mempertikaikan tindakan Syed Hamid. Jika mempertahankan hak negara adalah satu kesalahan, ia akan memberi gambaran buruk kepada generasi akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah berkata selepas kenyataan Gore pada 1998 bahawa kekuatan negara sebenarnya terletak di tangan rakyat biasa yang berani menyuarakan pendirian, termasuk membantah kebiadapan orang luar.

Malah, Noordin menulis selepas mengeluarkan iklan pada 1998: "Semangat kebangsaan adalah sesuatu yang amat berkuasa. Mereka yang bercakap mengenai globalisasi dan pergolakan dalaman sesebuah negara perlu sedar mengenainya."

Pada hari perjanjian ke Mahkamah Dunia itu, ada dua hero - Syed Hamid yang mempertahankan hak dan kedaulatan Malaysia dan kedua, wartawan

(golongan yang sering dipandang masyarakat sebagai hanya pengambil nota).

Pada hari itu, anda akan berbangga kerana semangat kebangsaan masih kukuh, sekurang-kurangnya dalam sanubari sebahagian rakyat.

Akan ada koboi pada masa depan yang ke sini tetapi pasti akan ada hero di kalangan kita yang akan mempertahankan hak negara ini.